

BAB 4
PROFIL SOSIAL USAHAWAN

Di dalam bab-bab yang lepas, senario MPPB telah dibentangkan dengan mengaitkan kewujudan usahawan Bumiputera dengan persekitaran sosioekonomi dan politik negara. Selain itu, satu gambaran umum ciri-ciri usahawan dalam sektor industri turut dibincangkan. Walau bagaimanapun, perbincangan yang lebih lengkap perlu merangkumi data-data pada peringkat mikro. Faktor-faktor terpilih meliputi latar belakang peribadi, latar belakang keluarga, pencapaian akademik, dan pengalaman kerja individu akan diteliti dalam konteks kewujudan dan perkembangan usahawan dan keusahawanan responden yang dikaji. Faktor-faktor tersebut merupakan asas penawaran dan kejayaan usahawan. Selanjutnya, penelitian ke atas faktor-faktor ini dijangka akan dapat menjawab persoalan-persoalan asas yang ditimbulkan di Bab 1, iaitu:

1. bagaimakah usahawan industri diwujudkan dalam masyarakat yang tidak ada dan kurang mempunyai budaya niaga dan tidak berorientasikan industri sebagai punca ekonomi?;

2. apakah kesan faktor-faktor umum sosio-ekonomi terhadap penglibatan dalam keusahawanan?;
3. apakah sikap yang diambil apabila berada di dalam bidang ini, sama ada mereka inovatif, kreatif, bermotivasi, dan sentiasa mengambil peluang yang sedia ada atau sekadar melibatkan diri tanpa mengambil inisiatif untuk mengembangkan usahanya?;
4. apakah peranan jentera pemerintah di dalam menyediakan keadaan/iklim sosio-ekonomi sebagai rangsangan untuk menggalakkan perkembangan usahawan industri?; dan
5. apakah ciri-ciri tindakan balas antara usahawan dengan faktor-faktor luarannya?

Bab ini akan cuba meneliti faktor-faktor yang dijangkakan mempengaruhi individu untuk menjadi usahawan. Terdapat banyak faktor yang boleh dikaitkan, tetapi ada antara faktor-faktor itu masih sukar

diukur. Keadaan ini menjadi lebih rumit kerana ada kalanya maklumat yang diperlukan tidak boleh didapati atau hanya boleh didapati secara samar-samar. Dengan demikian tumpuan akan hanya diberi kepada beberapa faktor terpilih. Bagi menjawab persoalan mengenai kewujudan usahawan, analisis terhadap kesan beberapa faktor terpilih ke atas usahawan dan bukan usahawan akan dibuat. Sekumpulan 46 orang bukan usahawan yang kedudukannya hampir-hampir sama dengan usahawan dari segi kadar purata umur, kestabilan kerjaya (dalam hubungan ini mereka berada dalam bidang bukan perusahaan), dan purata pendapatan diambil untuk tujuan ini.

Bab ini akan menumpukan perbincangan terhadap profil sosial responden.

Profil Sosial

Jantina :

Daripada Jadual: 4.1, didapati bidang keusahawanan industri di kalangan Bumiputera masih dikuasai oleh kaum lelaki (82.6% lelaki berbanding 17.4% kaum wanita).

Jadual: 4.1

Taburan Usahawan Industri Kecil Bumiputera
Mengikut Jantina

Jenis Industri	Jantina			
	Wanita		Lelaki	
	Bil.	%	Bil.	%
Makanan dan minum	04	8.7	07	15.2
Kayu dan keluaran kayu	02	4.3	14	30.4
Kimia, petrol, getah plastik	-		03	6.5
Kertas dan percetakan	-		03	6.5
Jentera dan kejuruteraan ringan	01	2.2	07	15.2
Lain-lain	01	2.2	04	8.7
Jumlah	08	17.4	38	82.6

Umur

Walaupun umur usahawan berada antara jarak 25 tahun dengan 60 tahun, dengan umur median 42 tahun, kebanyakannya usahawan berada pada peringkat umur 41 tahun hingga 50 tahun dan 31 tahun hingga 40 tahun.

Jadual: 4.2

Taburan Usahawan Industri Bumiputera
Mengikut Umur

Peringkat Umur	Bilangan	Bilangan (%)
21 - 30	06	13.0
31 - 40	12	26.1
41 - 50	19	41.3
51 - 60	09	19.6
Jumlah	46	100.0

N.B.

Umur purata : 42.3 tahun

Umur median : 42 tahun

Latar Belakang Keluarga

(Saiz Keluarga, Kedudukan Dalam Keluarga, Kedudukan Akademik dan Ekonomi Ibu Bapa)

Beberapa teori psikologi mengemukakan faktor saiz keluarga dan kedudukan individu dalam keluarga sebagai satu faktor penyebab mempengaruhi seseorang individu itu menjadi usahawan. Satu kajian terhadap usahawan wanita di Amerika Syarikat mendapati antara ciri utama ialah usahawan tersebut merupakan anak pertama dalam keluarga (R.D. Hishrich dan lain-lain, 1981: 21-39). Kajian Lai Nyok Kum (1985) terhadap pengilang di Semenanjung Malaysia mendapati ada kaitan antara kejayaan usahawan dengan saiz keluarga. Beliau menerangkan bahawa ahli keluarga yang ramai boleh menyediakan punca-punca kewangan dan tenaga kerja yang diperlukan. Seterusnya, pengalaman dan rangsangan sosiobudaya dalam keluarga itu didapati sesuai untuk perkembangan keusahawanan kepada individu. Akeredolu-Ale dalam kajiannya terhadap sektor perkilangan di Nigeria mendapati sebilangan besar usahawan datang dari keluarga yang mempunyai bilangan lebih dari lima adik-beradik. Tetapi beliau menyatakan ini bukan faktor penyebab respondennya menjadi usahawan (Akeredolu-Ale, 1975: 87-90).

Untuk tujuan kajian, saiz keluarga besar ialah keluarga yang mempunyai bilangan adik-beradik seramai lima orang atau lebih, manakala saiz keluarga kecil ialah keluarga yang mempunyai bilangan adik-beradik kurang dari jumlah tersebut.

Bagi responden dalam kajian ini, seramai 35 orang (76.1%) datang dari keluarga besar, manakala 10 orang dari keluarga kecil. Dari segi kedudukan pula, 9 orang (19.6%) merupakan anak pertama, 7 orang (15.2%) anak kedua, 10 orang (21.7%) anak ketiga, 17 orang (37.0%) anak keempat dan selainnya (3 orang) terdiri daripada anak kelima dan seterusnya. Angka-angka yang didapati tidak dapat menunjukkan sebarang kaitan yang kuat antara saiz atau kedudukan dalam keluarga dengan keusahawanan. Walau-pun data menunjukkan adanya frekuensi yang tinggi bagi penglibatan individu daripada keluarga besar, ini mungkin secara kebetulan sahaja kerana dari bilangan keluarga yang ramai terdapat salah seorang yang menceburkan diri dalam bidang ini.

Beberapa kajian telah merumuskan bahawa terdapat hubung kait antara pencapaian akademik dan ekonomi ibu-bapa dengan kewujudan semangat keusahawanan dalam diri anak-anaknya. Pendapat umum mempercayai

bahawa usahawan yang mempunyai bapa yang berpendidikan tinggi dan menjalankan perniagaan lebih berjaya daripada mereka yang mempunyai bapa yang kurang pendidikan dan tidak mempunyai sebarang pengalaman dalam bidang perniagaan. Umpamanya, Nafziger telah menemui hubungan faktor-faktor tersebut dalam kajian beliau terhadap usahawan di Nigeria (E.W. Nafziger, 1977). Beliau mendapati kedudukan bapa dari segi status ekonomi mempunyai hubung kait dengan firma yang mempunyai nilai keluaran, penggunaan guna tenaga, dan keuntungan yang tinggi. Hubung kait tersebut wujud mungkin kerana kedudukan ekonomi dan sosial bapa (yang didapati melalui pencapaian ekonomi dan pendidikan) membantu usahawan mendapat pengalaman dan bantuan yang sesuai untuk beliau mencebur diri dalam bidang keusahawanan. Seterusnya bapa yang berpendidikan dan pernah bergiat dalam bidang komersil sudah tentu mempunyai rangkaian hubungan yang luas. Dengan demikian mereka mempunyai banyak punca untuk mendapat maklumat-maklumat tertentu.

Penemuan daripada kajian ini nampaknya tidak pula menyokong kajian-kajian awal yang disebutkan di atas. Jadual 4.3 menunjukkan bahawa 71.4% usahawan yang

mempunyai bapa yang berpendidikan tinggi (peringkat vokesyenal, diploma dan ijazah) mendapat tahap pendidikan yang sama. Di samping itu, satu perkara yang menarik diperhatikan ialah bahawa usahawan yang mempunyai bapa yang berpendidikan rendah berjaya mendapat pendidikan pada tahap yang lebih baik daripada bapa mereka (61.1%). Terdapat hubung kait yang negatif antara pencapaian pendidikan bapa dengan anak dengan nilai kha kuasa dua 6.8 pada tahap signifikan 5% dengan 6 darjah kebebasan. Angka-angka yang didapati menunjukkan bahawa walaupun ada hubung kait yang negatif antara tahap pendidikan tinggi bapa dengan anak-anak, pencapaian akademik yang rendah oleh bapa tidak menyekat pencapaian tinggi anak-anak dalam bidang akademik ataupun di dalam pemilihan kerjaya mereka.

Jadual: 4.3

Pencapaian Akademik Usahawan dan Bapanya

Pencapaian Akademik Bapa	Rendah	Menengah	Tinggi	Lain-lain	Jumlah
Rendah	1 50.0 5.6 2.2	-	-	1 50.0 20.0 2.2	2 4.3
	6 31.6 33.3 13.0	8 42.1 50.0 17.4	2 10.5 28.6 4.3	3 15.8 60.0 6.5	19 41.3
	11 44.0 61.1 23.9	8 32.0 50.0 17.4	5 20.0 71.4 10.9	1 4.0 20.0 2.2	25 54.3
	18 39.1	16 34.8	7 15.2	5 10.9	
Barisan Menegak Jumlah					

Nota (Susunan Perangkaan):

Frekuensi Nilai khi kuasa dua = 6.8
 % Barisan Darjah kebebasan = 6
 % Barisan Menegak Nilai keertian = 12.6
 % Jumlah

Jika ditinjau pencapaian akademik ibu usahawan pula, didapati bahawa pencapaian ibu adalah lebih rendah daripada bapa. Daripada jumlah keseluruhan, 22 orang (47.8%) mempunyai ibu bersekolah rendah dan 9

orang (19.6%) bersekolah menengah. Hanya 2 orang (4.3%) mencapai tahap pengajian tinggi.

Jadual: 4.4
Pencapaian Akademik Ibu

Tahap Pendidikan	Bil.	%
Rendah	22	47.8
Menengah	9	19.6
Tinggi	2	4.3
Lain-lain	13	28.2
Jumlah	46	100.0

**Latar Belakang dan Mobiliti Pekerjaan
Datuk kepada Bapa dan Bapa kepada Usahawan**

Sebilangan besar usahawan telah bekerja dalam berbagai-bagai bidang sebelum bergiat dalam bidang industri kecil. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa terdapat perbezaan antara pekerjaan yang pernah dipegang oleh generasi sebelum usahawan dengan jenis pekerjaan yang dijalankan oleh usahawan. Ini menunjukkan bahawa terdapat mobiliti pekerjaan. Apabila membincangkan mobiliti pekerjaan, lazimnya ianya berbentuk *intergenerational* ataupun *intragenerational*. (Lipset, 1959: 156-182). Bentuk mobiliti

pekerjaan pertama melibatkan perubahan dan perbezaan pekerjaan anak daripada pekerjaan utama bapanya. Manakala maksud mobiliti kedua ialah perubahan secara perlahan-lahan yang dialami oleh individu sepanjang tempoh kerjayanya. Mobiliti pekerjaan jenis ini dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya ialah motivasi individu sendiri, pendidikan yang dicapai, peluang-peluang yang ada dan kesan iklim sosioekonomi dan politik di mana individu berada. Mobiliti pekerjaan dalam kajian ini dilihat daripada dua peringkat, datuk ke bapa responden dan daripada bapa kepada pekerjaan utama responden sebelum menjadi usahawan.

Jadual 4.5 meneliti perbandingan pekerjaan datuk dan bapa responden. Daripada jadual tersebut dapat dilihat bahawa ada bukti-bukti pewarisan pekerjaan bapa responden daripada datuk responden. Kecenderungan ini amat ketara dalam dua kategori pekerjaan, iaitu pertanian dan perusahaan.

Jadual: 4.5

Pekerjaan Bapa dan Datuk (Sebelah Bapa)

Pekerjaan Responden	%	Bapa	%	Datuk	%
Pertanian -		10	21.7	28	60.8
Kerajaan 18	39.1	22	47.8	4	8.7
Perdagangan 20	43.5	13	28.3	8	17.4
Perusahaan 4	8.7	1	2.2	1	2.2
Lain-lain 4	8.7	-	-	5	10.9
Jumlah	100	46	100	46	100

Jadual: 4.5 menunjukkan bahawa terdapatnya peredaran dan perubahan pekerjaan daripada pihak datuk kepada bapa responden. Apa yang ketara ialah bertambahnya bilangan bapa memasuki perjawatan kerajaan (47.8%) berbanding dengan zaman datuk (8.7%). Terdapat juga perubahan yang menunjukkan pemilihan kerjaya selain bertani sebagaimana yang dilakukan oleh datuk responden (60.8%). Lebih ramai bapa yang mencuba bidang perdagangan (28.3%) berbanding datuk (17.4%) responden.

Pergerakan intergenerasi ini menunjukkan beberapa ciri, iaitu :

- a) terdapat kecenderungan bapa untuk bergiat di dalam kegiatan-kegiatan ekonomi tradisi seperti bertani;
- b) terdapat kecenderungan anak-anak untuk menjawat jawatan lain daripada bapanya; dan
- c) kategori perdagangan dan perusahaan yang diidentifikasi sebagai punca utama kewujudan usahawan menunjukkan kestabilan tanpa menunjukkan apa-apa perubahan.

Jadual 4.5 juga menjelaskan perbandingan pekerjaan yang dipegang oleh bapa usahawan dengan pekerjaan utama usahawan. Didapati tiada seorang pun daripada responden yang bergiat dalam bidang pertanian manakala pemilihan kerjaya dalam sektor kerajaan dan perdagangan masing-masing merupakan 39.1% dan 43.5% daripada jumlah keseluruhan responden. Pergerakan dan perubahan pekerjaan responden daripada pekerjaan bapa menunjukkan kecenderungan untuk bergerak ke arah bidang keusahawanan.

Antara ciri-ciri yang didapati daripada pergerakan dan perubahan pekerjaan bapa kepada anak adalah seperti di bawah:

- a. tiada seorang pun menjadikan pertanian sebagai pekerjaan utama mereka sebelum menceburι bidang keusahawanan;
- b. pergerakan menuju kerjaya industri ketara di kalangan bapa ke usahawan daripada datuk ke bapa usahawan; dan
- c. penglibatan terus ke dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah ketara di kalangan usahawan.

Pendidikan Formal

Pendidikan formal sering dikaitkan dengan perkembangan kerjaya individu, terutama sekali dalam masyarakat yang menyanjung pencapaian status dalam sistem berbentuk birokrasi (Lipset "dan Bendix R, 1959: 197). Pendidikan formal dianggap boleh menyediakan individu untuk mendapat kemahiran dalam kerjaya. Ia juga dianggap sebagai satu cara untuk memperbaiki

kedudukan sosioekonomi individu dengan pencapaian akademik yang lebih tinggi. Pendapat ini diakui benar oleh beberapa pengkaji keusahawanan (Caroll, 1965: 106; Alex P. Alexander, 1960: 94-100; Yusif S, 1962: 47-72 dan J. Hirschmeier, 1960: 258). Caroll, umpamanya mendapati tahap pencapaian akademik usahawan Filipina yang dikaji lebih tinggi daripada majoriti dalam golongan umur yang sama. Hirschmeier pula mendapati bahawa,

"... book learning was of great importance and almost a necessary condition to becoming an entrepreneur in the early Meiji (Japan) period."

(J.Hirschmeier, 1960 : 258)

Walau bagaimanapun, keraguan terhadap hubungan kedua-dua pembolehubah tersebut diutarakan apabila keadaan sebaliknya didapati, iaitu pencapaian akademik tidak menentukan seseorang itu akan memilih keusahawanan sebagai kerjayanya atau pun membuat seseorang usahawan itu lebih berjaya daripada yang lain. Ini ditemui oleh beberapa pengkaji (Papanek, 1965: 56; E.O Akeredolu, 1975: 70). Papanek mendapati usahawan Pakistan tidak berbeza daripada rakan sezaman yang bukan usahawan di negara itu. Menurut beliau,

"... there was no evidence that they were innovators in non-economic matters ... that they differed from other Pakistani in child-rearing practices or extent of nationalism."

(Papanek, 1965: 56)

Akeredolu pula dalam kajiannya terhadap usahawan di Nigeria menyatakan,

"... higher formal education would not tend to make a more successful entrepreneur than those with lower formal education was neither a necessary nor a sufficient precondition for a more successful performance of the entrepreneur."

(E.O. Akeredolu, 1975: 70)

Penemuan kajian terhadap usahawan tempatan juga tidak menunjukkan bahawa pencapaian akademik mempunyai kaitan yang positif dengan penceburan dalam keusahawanan (Mohd Fauzi Yaacob 1978; Amir Sharifuddin, 1985; Aziz Mahmud, 1977). Penemuan Aziz Mahmud mendapati bahawa,

"... % of successful businessman was highest within the extreme categories i.e. entrepreneur with little or no education at all, and entrepreneurs with the most number of year of formal education..."

(Aziz Mahmud, 1977 : 99)

Apa yang dapat dijelaskan di sini ialah pendidikan formal dan pencapaian akademik bukanlah sebab utama yang merangsang penglibatan individu dalam keusahawanan atau menyebabkan kejayaan seseorang usahawan itu. Terdapat adanya aliran di negara membangun di mana mereka yang berpelajaran selalunya memilih kerjaya dalam sektor birokrasi kerajaan yang dianggap lebih berstatus dan memberi sekuriti dari segi kewangan (Deshpande M, 1982). Pilihan untuk berkhidmat dengan kerajaan memanglah satu perkara yang ketara di kalangan orang-orang Melayu berpelajaran sebagaimana yang dipерhatikan oleh Al-Attas (1968) dan Tham Seong Chee (1977).

Di dalam kajian ini didapati bahawa sebilangan usahawan menerima pendidikan formal peringkat menengah (54.3%) dan tinggi (41.3%). Hanya 4.3% daripada responden mendapat pendidikan peringkat rendah. Pengajian tinggi di sini merangkumi pencapaian peringkat diploma dan ijazah. Daripada per-

bandingan antara pencapaian akademik usahawan dengan bukan usahawan, didapati bahawa ada kaitan ketara antara pencapaian akademik dan pemilihan kerjaya keusahawanan dengan nilai kha kuasa dua 26.41 pada nilai keertian 3.84 dengan 1 darjah kebebasan. Penemuan ini berlainan dengan penemuan dalam beberapa kajian yang telah dibincangkan terlebih dahulu, iaitu pendidikan formal dan pencapaian akademik bukanlah satu faktor yang penting untuk menceburi bidang keusahawanan. Terdapat beberapa penjelasan kepada fakta ini. Antaranya ialah, pertama, para usahawan yang menceburi bidang industri memerlukan kemahiran dan kebolehan yang secukupnya untuk menjalankan organisasi dan perjalanan industrinya. Kedua-duanya, sebilangan besar usahawan pernah menjawat jawatan di sektor kerajaan dan swasta dan penglibatan diri mereka dalam bidang ini merupakan penglibatan dalam satu bidang kerjaya yang berbeza. Keusahawanan dalam bidang industri berbeza dengan bidang perniagaan runcit dan kecilan yang memerlukan pengetahuan minimum untuk mengendalikannya. Dengan yang demikian, adalah menarik apabila muncul beberapa usahawan yang berorientasikan teknologi dan mempunyai kelayakan akademik yang tinggi untuk membantu dalam menjalankan industri, terutama sekali

untuk mengendalikan hal ehwal pengurusan dengan lebih teratur. Data tentang ini boleh dilihat dalam Jadual 4.6 dan Jadual 4.7.

Jadual: 4.6

Tahap Pendidikan Formal

Pendidikan	Usahawan	
	Bil.	%
Rendah	2	4.4
Menengah	25	54.3
Tinggi	19	41.3
Jumlah	46	100.0

Jadual: 4.7

Pengaruh Faktor Pencapaian Akademik
Dengan Keusahawanan

Tahap	Usahawan	Bukan Usahawan
Tinggi (Diploma/Tinggi)	25	46
Rendah (Sek. Ren./Menengah)	21	-
Jumlah	46	46

Nilai Khi Kuasa Dua = 26.4 Nilai keertian = 3.84
Darjah kebebasan = 1

Satu lagi perkara yang diperhatikan ialah terdapatnya hubung kait antara umur usahawan dengan tahap pendidikannya. Daripada Jadual 4.9, didapati bahawa lebih ramai usahawan dalam golongan 21 tahun hingga 50 tahun mendapat pendidikan tinggi berbanding dengan mereka dalam kumpulan umur 51 tahun hingga 60 tahun. Nilai khi kuasa dua 14.6 pada tahap signifikan 5% dengan 6 darjah kebebasan menunjukkan hubungan signifikan antara umur dengan pendidikan responden. Penjelasan bagi keadaan ini

mungkin disebabkan peluang dan keupayaan untuk mendapat pendidikan lebih baik bagi mereka yang lebih muda dengan adanya perubahan dan peningkatan peluang pelajaran kepada anak-anak Bumiputera, terutama sekali dengan adanya bantuan kerajaan untuk pelajar-pelajar Bumiputera melanjutkan pelajaran ke peringkat institusi pengajian tinggi. Peluang tersebut mungkin amat kurang daripada kumpulan yang lebih tua daripada itu. Penemuan ini tidak jauh bezanya dengan penemuan Mohd Fauzi Yaacob (1978: 78) dalam kajiannya terhadap peniaga Melayu di Kota Bahru, Kelantan. Beliau mendapati majoriti mereka di dalam lingkungan umur yang lebih muda, iaitu di bawah 40 tahun, mempunyai pelajaran yang lebih dan mencapai tahap pendidikan menengah. Jadual 4.8 memberikan rujukan yang lebih terperinci.

Jadual: 4.8

Tahap Pendidikan dan Umur Usahawan

Tahap Pendidikan	(Tahun)				Jumlah
	21 - 30	31 - 40	41 - 50	51 - 60	
Rendah	-	-	-	2	2
Menengah	1	4	12	2	19
Tinggi	5	8	7	5	25
Jumlah	6	12	19	9	46

Nilai Khi kuasa dua = 14.6 Nilai keertian = 12.6
 Darjah kebebasan = 6

Daripada perbincangan di atas, dapat dirumuskan bahawa faktor pendidikan formal dan pencapaian akademik merupakan salah satu faktor penting yang mendorong penglibatan individu dalam bidang keusahawanan industri. Bagi mereka yang mendapat pendidikan formal yang rendah, kelemahan diatasi melalui pengalaman kerja individu dalam bidang tertentu. Walaupun begitu, mereka yang berpeluang mendapat pendidikan yang lebih tinggi mungkin menggunakan faktor ini untuk menjadi usahawan berdasarkan kemahiran (dan pengalaman) dan peluang yang wujud di sekitar mereka.

Seperkara lagi yang perlu dilihat ialah latihan kemahiran yang didapati oleh para usahawan. Latihan-latihan yang lazim diikuti ialah latihan bercorak pentadbiran dan pengurusan, pemasaran dan dokumentasi dan prosedur-prosedur kerajaan. Kajian ini mendapati bahawa seramai 15 orang (32.5%) usahawan mendapat latihan pentadbiran dan pengurusan, 12 orang (26.1%) mendapat latihan perdagangan, dan 13 orang (28.3%) mendapat latihan teknologi dan kemahiran. Latihan-latihan ini lazimnya didapati daripada agensi-agensi latihan termasuk Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC) dan Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI) dan lain-lain. Kebanyakan latihan tersebut adalah untuk satu jangka masa yang singkat. Dengan demikian, keberkesanan latihan tersebut sering dipersoalkan. Jadual 4.9 memberi gambaran yang lebih jelas. Seterusnya, diperhatikan bahawa usahawan-usahawan Bumiputera kurang mendapat latihan daripada masyarakat perdagangan dan perindustrian sendiri. Ini disebabkan tidak terdapat satu *inbuilt infrastructure* dalam budaya niaga MPPB sendiri yang boleh menyemai ciri-ciri keusahawanan kepada bakal-bakal usahawannya. Berbanding dengan masyarakat Cina misalnya, mereka mempunyai infrastruktur yang sedia ada iaitu

bakal-bakal usahawan atau individu-individu dilatih dan disemaikan dengan ciri-ciri keusahawanan sejak kecil lagi. Tanpa infrastruktur yang tersedia, bakal usahawan Bumiputera hanya dapat memperolehi latihan kemahiran melalui latihan dan kelas-kelas formal sahaja.

Jadual: 4.9

Latihan-latihan Yang Diikuti Oleh Usahawan

Latihan	Bil.	%
Tiada	2	4.3
Perdagangan	12	26.1
Pentadbiran dan Pengurusan Teknikal/Kemahiran	15	32.6
Lain-lain	13	28.3
Jumlah	46	100.0

Tempat Asal-usul dan Usahawan

Banyak teori keusahawanan yang berunsur psikologi menganggap pengalaman masa kecil dan remaja sebagai faktor utama yang menentukan sama ada individu-individu itu menjadi usahawan atau tidak, dan sama ada usahawan itu berjaya atau gagal. Antara faktor-faktor yang dikaitkan dengan pengalaman semasa kecil dan remaja itu ialah tempat di mana usahawan tinggal semasa kecil dan ketika remaja. Peranan bandar-bandar utama dalam membentuk ciri-ciri keusahawanan pernah diutarakan oleh beberapa orang pengkaji keusahawanan tahun 1960-an seperti Hirschmeier (1964), J.J. Caroll (1965), dan Akeredolu Ale (1975). Para pengkaji tersebut mendapati bahawa terdapat peranan kritikal yang dimainkan oleh bandar-bandar utama dalam mewujudkan usahawan melalui pengaruh dari segi pendedahan kepada dunia niaga, sikap, pengetahuan, dan pengalaman yang didapati oleh individu di kota yang didiami berbanding dengan mereka yang tinggal di kawasan luar bandar.

Kajian ini telah meneliti faktor yang sama untuk mengetahui sama ada para usahawan dipengaruhi oleh

faktor tempat tinggal semasa remaja. Dua faktor yang diteliti di sini adalah saiz tempat tinggal dan ciri-ciri ekonomi tempat tersebut. Untuk tujuan analisis, tempat tinggal telah dikategorikan kepada dua, iaitu kampung (luar bandar) dan bandar kecil; dan bandar besar. Kampung atau luar bandar dan bandar kecil masing-masing merupakan kawasan tempat tinggal yang mempunyai penduduk sekurang-kurangnya 1,000 orang dan tidak lebih daripada 10,000 orang. Bandar besar mempunyai penduduk seramai 10,000 orang atau lebih. Ciri-ciri ekonomi dikategorikan kepada dua ciri utama, iaitu kegiatan ekonomi berunsur pertanian (kegiatan tradisi) dan kegiatan ekonomi bercorak perdagangan, pendidikan, dan pentadbiran (kegiatan bercirikan unsur-unsur moden). Dianggap juga bahawa pengaruh bandar dan kegiatan ekonomi banyak mempengaruhi individu untuk menjadi usahawan daripada menceburkan diri dalam kegiatan bukan keusahawanan.

Daripada Jadual 4.10(a) hingga Jadual 4.10(c), menunjukkan bahawa tidak terdapat kaitan antara boleh ubah pengalaman tinggal di bandar besar ataupun kecil dan ciri-ciri ekonomi tempat tinggal

masa kecil atau remaja dengan pemilihan kerjaya sebagai usahawan ataupun bukan usahawan. Pada nilai keertian 5.99 dengan 2 darjah kebebasan, nilai-nilai khi kuasa dua ialah masing-masing 3.802 dan 3.654 bagi ciri ekonomi tempat tinggal semasa kecil (Jadual 4.10(a)) dan semasa zaman remaja usahawan (Jadual 4.10(b)). Seterusnya, tidak terdapat kaitan yang ketara antara pemilihan kerjaya dengan saiz tempat tinggal semasa remaja dengan nilai khi kuasa dua 0.696 pada tahap signifikan 5% dengan 1 darjah kebebasan. Penemuan daripada kajian ini menunjukkan bahawa saiz tempat tinggal dan ciri-ciri ekonominya tidak mempunyai kaitan dan mempengaruhi seseorang itu untuk menjadi usahawan atau tidak.

Jadual: 4.10 (a)

Ciri Ekonomi Tempat Tinggal Semasa Kecil

Ciri Ekonomi	Usahawan	Bukan Usahawan
Pertanian	10	18
Perdagangan dan Perindustrian	24	21
Kedua-dua	12	7
Jumlah	46	46

Nilai Khi Kuasa Dua = 3.802

Darjah Kebebasan = 2

Nilai keertian = 5.99

Jadual: 4.10 (b)

Ciri Ekonomi Tempat Tinggal Semasa Remaja

Ciri Ekonomi	Usahawan	Bukan Usahawan
Pertanian	15	11
Perdagangan dan Perindustrian	19	28
Kedua-dua	12	7
Jumlah	46	46

Nilai Khi Kuasa Dua = 3.654

Darjah kebasan = 2

Nilai keertian = 5.99

Jadual: 4.10 (c)

Usahawan dan Bukan Usahawan dan Saiz Tempat tinggal Semasa Remaja

Tempat	Usahawan	Bukan Usahawan
Bandar Besar	21	25
Bandar Kecil	25	21
Jumlah	46	46

Nilai Khi Kuasa Dua = 0.696

Darjah kebebasan = 1

Nilai keertian = 3.84

Pengalaman Kerja Lalu

Ramai usahawan Bumiputera dalam bidang industri menyatakan pengalaman kerja yang dialami sebelum menjadi usahawan sedikit sebanyak membantu mereka dalam kerjaya mereka sebagai usahawan. Ada juga yang menyatakan pekerjaan mereka pada masa lalu mempunyai kaitan dengan perusahaan yang dijalankan sekarang. Brockhaus (1986) menyatakan bahawa terdapat dua kategori faktor yang berkaitan dengan usahawan dan keputusan untuk memulakan perusahaan. Faktor-faktor itu adalah ciri-ciri individu (terutama sekali pengaruh psikologi terhadap individu) dan kesan pengalaman kerja. Pendapat yang sama diutarakan oleh beberapa pengkaji lain seperti Myer dan Goldstein (1961), Chambers (1988), dan Anderson dan Khambata (1981). Terdapat juga kaitan pengalaman kerja dengan kejayaan atau kegagalan perusahaan. Humam Mohamed et al. (1992) mendapati antara faktor-faktor kegagalan usahawan ialah kurangnya pengalaman kerja dalam perusahaan yang dijalankan.

Terdapat dua kesan pengalaman kerja terhadap usahawan, iaitu:

- i) kesan kemahiran yang diperolehi dalam kerjaya-kerjaya lalu digunakan untuk menjalankan perusahaan; dan
- ii) kesan pengalaman kerjaya lalu terhadap keputusan responden untuk menceburi diri dalam bidang perusahaan.

Pengalaman kerja sedikit sebanyak dapat memberi kemahiran bekerja kepada bakal-bakal usahawan. Sebagaimana yang dibincangkan awal tadi, kebanyakan responden mempunyai pekerjaan sebelum memulakan industri mereka. Antara bidang kerja yang pernah diterokai oleh responden ialah pengurusan peringkat rendah dan peringkat tengah, keselamatan, akademik, teknikal, dan perniagaan.

Tempoh purata pengalaman kerja bagi majoriti responden ialah antara 6-10 tahun. Seramai 20 orang (43.5%) telah bekerja lebih daripada 10 tahun, 15 orang (32.6%) telah bekerja selama 3-5 tahun, dan 7 orang (15.2%) mempunyai pengalaman pekerjaan kurang daripada dua tahun. Walau bagaimanapun, majoriti responden pernah menyandang kerjaya yang tidak

banyak berkaitan dengan perusahaan yang dijalankan kini. Ini dapat dilihat di dalam Jadual 4.11.

Jadual: 4.11

Tempuh Pengalaman Bekerja

Tahun	Bil.	%
0 - 2	7	15.2
3 - 5	15	32.6
6 - 10	4	8.7
> 10	20	43.5
Jumlah	46	100.0

Walaupun tidak ramai yang mempunyai pengalaman yang tidak ada kaitan dengan perusahaan, diperhatikan juga bahawa mereka pernah melaksanakan tugas-tugas pengurusan dan membuat keputusan. Dalam kata lain, mereka pernah memikul fungsi-fungsi kepimpinan. Apa yang dapat dirumuskan di sini ialah terdapat responden menjadi usahawan kesan kemahiran yang didapati melalui pengalamannya.

Selanjutnya, ada ciri-ciri yang menunjukkan bahawa mereka yang mempunyai pengalaman dan kemahiran teknologi akan menjalankan industri yang mempunyai unsur-unsur yang sama. Mereka yang pernah mempunyai pengalaman dalam bidang pengurusan dan pentadbiran menjalankan industri yang tidak berkaitan dengan mana-mana pengalaman kerja yang ada padanya. Umpamanya, seorang jurutera mekanikal yang memulakan kerjayanya membuat kabinet besi waja; bertukar kerja kepada pembuat tiub besi waja, seterusnya membuat badan kereta. Berbeza dengan usahawan yang mula berkecimpung dalam bidang pengurusan, beliau telah ditugaskan untuk mengawal kualiti bahan kimia di sebuah kilang kimia dan selepas itu ditugaskan ke bahagian pemasaran. Usahawan tersebut kemudian bekerja sebagai pelatih di bahagian latihan personel di sebuah kilang kosmetik. Beliau kemudian membuka kilang tekstil. Di sini terdapat arah aliran yang berbeza dalam pendekatan dan pilihan industri yang akan diusahakan antara individu yang berlatar belakangkan kemahiran teknikal dengan individu yang mempunyai latar belakang pengurusan dan pentadbiran.

Kedua-dua faktor kemahiran dan kebolehan mengurus adalah penting dalam keusahawanan. Beberapa

kajian (Larson, C.M dan Clute, R.C, 1979; Drucker, P, 1985) berpendapat bahawa kedua-dua fakta tersebut adalah penting untuk kejayaan industri. Dengan yang demikian, penting bagi bakal usahawan (industri) mengimbangkan dan menggunakan kemahiran (teknikal) dan pengalaman mengurus yang diperolehi melalui pengalaman kerjanya supaya dapat mengurus perusahaannya dengan jaya.

Seorang pengusaha yang dianggap kukuh kedudukannya dalam industri alat komponen kereta yang dijalankan dapat menggunakan kedua-dua faktor kemahiran kerja dan mengurus dengan baik. Beliau pernah bertugas sebagai juruteknik di sebuah kilang pengeluar kelengkapan barang elektronik. Kemudiannya, beliau dilantik sebagai pengurus bahagian tersebut. Mengikut keterangannya,

"...kerja saya yang pertama ialah sebagai juruteknik di bahagian lakaran dan kawalan peralatan di sebuah industri membuat alat-alat elektronik. Kemudian saya ditugaskan sebagai pengurus di bahagian tersebut iaitu saya dipertanggungjawabkan dengan 50% kerja kejuruteraan dan 50% apa yang saya boleh panggil pengurusan dan pengenalan kepada aspek-aspek kewangan dan pentadbiran. Umpamanya, saya perlu membincangkan segala aspek maklumat teknologi apabila seterusnya projek dimulakan dan bertanggungjawab terhadap pengeluaran dan pemasaran barang yang baru dikeluarkan itu..."

Apa yang dapat dirumuskan daripada kenyataan di atas ialah bahawa perolehan kemahiran dan asas yang kuat dalam bidang teknologi menyediakan usahawan memulakan industri yang hampir sama cirinya, dan pengalaman pengurusan membantunya dalam pengurusan harian industri.

Satu lagi contoh pengalaman membantu usahawan memulakan industrinya ialah kes seorang usahawan yang menjalankan industri komponen tali keledar. Mengikut beliau,

"Saya telah bekerja selama lebih 14 tahun dengan sebuah syarikat pengeluar tali keledar. Tidak menghairankan kalau saya menggunakan pengalaman tersebut untuk membuka satu industri yang berkaitan dengan pekerjaan yang pernah saya lakukan. Ini mungkin mengelirukan juga kerana sebenarnya saya tidak pernah mendapat latihan formal dalam bidang ini. Latihan formal atau ijazah yang dimiliki ialah dalam bidang mikrobiologi."

Jelas bahawa penerangan di atas menunjukkan usahawan tersebut telah dapat mengumpul keupayaan teknologi dan pengurusan untuk menubuhkan sebuah industri yang hampir sama.

Bagi meneliti kesan pengalaman kerja yang lalu terhadap usahawan, responden telah ditanya mengenai mengapa, bagaimana dan setakat mana kerjaya dahulu mempengaruhi keputusan untuk menukuhkan perusahaan sendiri dan meninggalkan kerjayanya sebelum ini. Seramai 6 responden (13%) menyatakan mereka kurang berpuas hati dengan kerjaya yang dilakukan. 3 orang (6.6%) menemui jalan buntu (*dead end effect*) dalam kerjaya dan 11 orang (23.9%) menyatakan kerjayanya dahulu tidak mencabar (*challenge effect*). Manakala 19 orang (41.3%) menyatakan pengalaman kerja membawa kepada keyakinan. Data lengkap berkenaan maklumat ini dapat dilihat di dalam Jadual 4.12.

Jadual: 4.12

Pengaruh Kerjaya Dahulu ke Atas
Keputusan Untuk Menjadi Usahawan

Sebab-sebab	Bil.	%
Jalan buntu dalam pekerjaan (dead end effect)	3	6.6
Kerja tidak mencabar (challenge effect)	11	23.9
Tidak ada kepuasan kerja (end-road effect)	6	13.0
Pengalaman kerja membawa kepada kepercayaan dan keyakinan diri	19	41.3
Digalak oleh majikan	1	2.2
Lain-lain	6	13.0
Jumlah	46	100.0

Seperkara yang ketara ialah wujudnya kaitan sebab-sebab meninggalkan kerja lama dengan umur usahawan. Terdapat kecenderungan kumpulan umur antara 31 hingga 40 tahun meninggalkan kerjaya lama kerana merasakan bahawa tidak ada cabaran dalam kerjaya lama itu. Manakala bagi kumpulan umur 41 hingga 50 tahun mengakui faktor pengalaman dan keyakinan diri banyak mempengaruhi diri mereka untuk menubuhkan unit industri sendiri. Tidak menghairankan pendapat sebegini

dikemukakan oleh usahawan dalam kumpulan umur ini memandangkan umur dan pengalaman yang didapati selama ini sudah tentu dapat membantu mereka mengurus industri sendiri. Jadual 4.13 menunjukkan perkaitan tersebut.

Jadual: 4.13

Umur dan Pengaruh Kerjaya Dahulu

Kerjaya	Umur					Jumlah
	21-30	31-40	41-50	51-60		
Jalan buntu dalam pekerjaan (dead end effect)	1	1	-	1	3	
Kerja tidak mencabar (challenge effect)	3	6	2	-	11	
Tidak ada kepuasan kerja (cross-road effect)	-	1	4	1	6	
Pengalaman kerja membawa kepada kepercayaan dan keyakinan diri	1	3	10	5	19	
Digalak oleh majikan	-	-	1	-	1	
Lain-lain	1	1	2	2	6	
Jumlah	6	12	19	9	46	

Terdapat beberapa faktor yang dikaitkan juga dengan kesan tiadanya cabaran kerja. Antaranya ialah ketidakpuasan bekerja. Brockhaus (1986) mendapati bahawa kesan ketidakpuasan bekerja dalam pekerjaan lama pada tahap maksimumnya bukan sahaja membuat individu keluar daripada pekerjaan tersebut tetapi telah juga meyakinkan diri individu bahawa tiada pekerjaan lain yang sesuai untuknya selain berdikari dan berusaha sendiri. Keadaan seperti ini dapat dikesan di kalangan pada responden dalam kajian ini.

Selanjutnya faktor-faktor itu juga ada kaitannya dengan keinginan individu untuk beralih kerjaya (atau lebih dikaitkan dengan *mid-career change*). Salah seorang yang mengkaji kesan ini ialah Wienruch J.J. (1981: 13-17) dan mendapati bahawa kecenderungan untuk beralih kerjaya amat ketara sekali apabila individu mencapai umur di antara 35 hingga 50 tahun. Kecenderungan tersebut diperhatikan lazim berlaku di kalangan eksekutif, profesional, kakitangan kerajaan, dan anggota tentera. Kecenderungan yang sama didapati di kalangan responden dalam kajian iaitu sebilangan besar responden pernah bekerja sebagai kerani, tentera, pegawai-pegawai kerajaan, dan ahli profesional.

Pengalaman dan Rangkaian Hubungan Dalam Perniagaan

Aktiviti perdagangan dan perusahaan memerlukan beberapa nilai tertentu, umpamanya rasionaliti dalam aspek pengumpulan harta dan wang. Nilai-nilai tersebut bukanlah sesuatu yang dilahirkan bersama-sama individu, tetapi sesuatu yang boleh diperolehi melalui usaha tertentu, praktik dan pengalaman yang didapati oleh individu melalui hubungan dan penglibatannya dengan dunia perdagangan dan perindustrian. Dalam hubungan ini, bakal usahawan mempunyai peluang untuk memerhati dan melibatkan diri dalam proses perjalanan industri dan perniagaan, dan berhubungan secara formal atau informal dengan mereka yang bergiat dalam bidang tersebut. Membina dan mewujudkan rangkaian hubungan dalam dunia niaga atau melibatkan diri dalam secara langsung dalam proses perniagaan dapat membantu bakal usahawan dengan nilai-nilai budaya niaga yang diperlukan dalam keusahawanan sektor industri. Mempunyai hubungan dengan dunia niaga dan rangkaian hubungan (*networking*) yang luas dengan mereka dalam sektor tersebut membayangkan bahawa responden berpeluang memahami, melihat dan mungkin melibatkan diri di dalam proses sebenar perjalanan industri atau perniagaan.

Dalam kajian ini, maklumat responden mengenai perhubungan dalam bidang keusahawanan dan rangkaian hubungannya dengan dunia tersebut telah dikumpulkan. Perhatian diberi kepada punca-punca hubungan tersebut. Ini mungkin dapat membantu kita memahami latar belakang keusahawanan (*entrepreneurial setting*) mereka.

Jadual 4.14 menunjukkan bahawa daripada 46 responden, 2 responden sahaja (4.3%) menyatakan mereka tidak mempunyai sebarang pengalaman atau hubungan langsung dengan dunia niaga sebelum memulakan kerjaya sebagai usahawan. Kajian ini mendapati bahawa pengenalan dan maklumat niaga lazimnya diperolehi daripada kawan-kawan dan hubungan sewaktu bekerja (47.8%). Kekuatan faktor keluarga sebagai punca pengenalan kepada dunia niaga tidak memainkan peranan yang penting (6.5%). Penelitian yang lebih terperinci menunjukkan bahawa mereka yang menyatakan mendapat pengenalan dunia niaga melalui keluarga, datang daripada keluarga yang pernah berniaga. Ini tidak menghairankan kerana sejarnyalah responden yang terlibat itu dapat memahami dan berkembang dalam dunia niaga dengan adanya bimbingan keluarga. Kepentingan peranan keluarga

dan saudara-mara sebagai salah satu cara berhubungan dengan alam niaga boleh dianggap sebagai lanjutan warisan pekerjaan (*occupational inheritance*) dan pengaruh kumpulan informal dalam mana-mana masyarakat pun.

Pengalaman kerja (34.8%) merupakan faktor kedua penting untuk membina rangkaian hubungan responden. Kepentingan ini tidak dapat dinafikan memandangkan dalam menjalankan tugas-tugas mereka dahulu, responden pasti terdedah dan berpeluang menemui individu-individu yang boleh membantu mereka menjayakan kerjaya mereka kemudian.

Jadual: 4.14

**Hubungan Usahawan dengan Dunia Niaga
Sebelum Menjadi Usahawan**

Corak Hubungan	Bil.	%
Tiada hubungan	2	4.3
Keluarga	3	6.5
Kawan-kawan dalam bidang perniagaan	22	47.8
Pengalaman kerja	16	34.8
Aktiviti berkaitan	3	6.5
Jumlah	46	100.0

Jadual: 4.15

Hubungan Dengan Dunia Niaga dan
Umur Memulakan Industri

Umur (tahun)	Ada Hubungan	Tiada Hubungan	Jumlah
21 - 30	6	-	6
31 - 40	12	-	12
41 - 50	18	1	19
> 51	8	1	9
Jumlah	44	2	46

Nilai Khi Kuasa dua = 1.8

Darjah kebebasan = 3

Nilai keertian = 7.81

Sebagai kesimpulan, perlu ditegaskan kembali bahawa hubungan dengan dunia dan rangkaian hubungan (*networking*) ialah faktor penting bagi menyediakan diri untuk menyertai bidang keusahawanan. Dalam kajian ini didapati sebilangan besar responden (95.7%) pernah mempunyai hubungan dengan dunia niaga melalui beberapa punca. Antara punca-punca yang telah dikenalpasti ialah keluarga, saudara-mara dan kawan-kawan. Faktor umur dan pendidikan tidak mempunyai kaitan yang signifikan dengan perhubungan responden dengan dunia niaga sebelum menjadi usahawan (Jadual 4.15). Terdapat kecenderungan bagi mereka yang

berpendidikan tinggi (54.3%) mempunyai hubungan dengan dunia niaga berbanding dengan mereka yang berpendidikan rendah (Jadual 4.16). Perlu dinyatakan faktor wujudnya perhubungan tidak menentukan kejayaan, kegagalan, atau kefahaman sesebuah industri. Ada beberapa faktor lain yang berkaitan dengan faktor ini, iaitu keluasan rangkaian hubungan, kepelbagaiannya (*diversity*) hubungan dan keupayaan usahawan mendapatkan maklumat. Bahan-bahan yang diperolehi daripada individu dalam rangkaian hubungan itu untuk kegunaan perusahaannya boleh memberi gambaran yang lebih tepat mengenai keberkesanan dan keluasan rangkaian hubungan yang ada pada usahawan.

Jadual: 4.16

Hubungan Dunia Niaga dan Pendidikan Formal

Tahap Pendidikan	Ada Hubungan Bil.	Ada Hubungan %	Tiada Hubungan Bil.	Tiada Hubungan %
Tinggi	25	54.3	-	-
Menengah	17	37.0	2	4.4
Rendah	2	4.3	-	-
Jumlah	44	95.6	2	4.4

Rumusan dan Kesimpulan

Penemuan yang diperolehi daripada kajian ini menunjukkan beberapa persamaan dengan ciri-ciri umum yang didapati pada usahawan industri kecil Bumiputera. Antaranya ialah kebanyakannya industri masih dikendalikan oleh kaum lelaki pada peringkat umur 40 tahun. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekecualian dalam beberapa aspek yang dianalisis khususnya aspek-aspek pencapaian akademik responden, pengaruh latar belakang keluarga, pengaruh pengalaman kerjaya dahulu dan rangkaian hubungan responden yang membezakan mereka daripada usahawan yang lain. Faktor-faktor yang akan dinyatakan nanti menjelaskan keadaan responden sebagai usahawan industri.

Profil Sosial

1. Industri kecil masih lagi dikuasai oleh kaum lelaki (82.6%) berbanding dengan kaum wanita dengan umur purata 42 tahun. Majoriti mereka datang dari kawasan yang berlatar belakangkan aktiviti pertanian, tetapi berhijrah ke bandar-bandar utama untuk mencari kedudukan ekonomi yang

baik. Keluarga mereka kebanyakannya tidak mempunyai latar belakang perusahaan dan mempunyai latar akademik yang sederhana tinggi. Walaupun demikian, kajian ini menunjukkan bahawa latar belakang keluarga, pengalaman masa kecil dan remaja khususnya dari segi kawasan tempat tinggal tidak banyak mempengaruhi pemilihan kerjaya seorang usahawan itu.

2. Dari segi mobiliti pekerjaan dari dua generasi, didapati majoriti responden berasal daripada keluarga yang berlatarbelakangkan pertanian pada tahap pertama (keluarga bapa) dan kemudiannya cenderung kepada kerjaya kolar putih (perkhidmatan kerajaan dan lain-lain). Faktor pergerakan *intergenerational* ini menunjukkan arah tujuan responden untuk membentuk dan memperolehi elemen-elemen keusahawanan dalam perjalanan mereka sebelum menceburkan diri dalam bidang industri.
3. Sebagai satu kumpulan, responden mempunyai tahap pendidikan tinggi dan sederhana tinggi. Sebanyak 54.3% mempunyai diploma atau ijazah dan mendapat pendidikan pada peringkat vokasional, maktab atau universiti. Selebihnya, mencapai pendidikan peringkat sekolah menengah dan rendah. Pencapaian

tahap pendidikan yang lebih tinggi didapati sedikit sebanyak mempengaruhi pemilihan jenis industri, penyediaan laporan projek, penyediaan modal permulaan dan semasa, dan perkembangan industri selanjutnya. Umpamanya, terdapat perbezaan yang ketara dalam pemilihan jenis industri. Penemuan menunjukkan industri kecil berorientasi-kan teknologi yang lebih canggih diusahakan oleh mereka yang berpendidikan formal lebih tinggi dan bertaraf profesional.

4. Usahawan-usahawan didapati pernah memegang jawatan sama ada dalam sektor swasta mahupun kerajaan dan mempunyai pengalaman kerja sekurang-kurangnya 6 hingga 10 tahun. Pengalaman kerja dinyatakan sebagai salah satu faktor yang membantu responden memulakan industrinya. Faktor ini juga menyokong faktor pergerakan kerjaya secara *inter-generational*.
5. Faktor-faktor pengalaman, kerjaya yang tidak mencabar dan tidak ada kepuasan kerja merupakan faktor utama responden menukar kerjaya kepada bidang keusahawanan. Faktor-faktor ini juga mempunyai kaitan yang kuat dengan responden yang berumur antara 41 hingga 50 tahun.

6. Majoriti usahawan memulakan sendiri operasinya berbanding 4.4% yang mewarisi industri yang dimiliki sekarang. Penemuan ini selaras dengan penemuan yang menunjukkan faktor-faktor keluarga dan latar belakang semasa kecil dan remaja tidak mempunyai pengaruh positif terhadap kerjaya ke-usahawanan.
7. Rakan-rakan dunia perniagaan dan hubungan di tempat kerja merupakan sumber utama bagi responden mendapat pengalaman dan pengetahuan dunia niaga. Sumber-sumber tersebut merupakan rangkaian hubungan yang penting seterusnya digunakan oleh usahawan untuk mendapatkan sumber-sumber perusahaannya.